

# PENEROKA



## MENCARI KEBERKATAN FELDA WILAYAH MEMPAGA



Oleh:  
YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
PENGURUSI FELDA

TARikh: 23 MAC 2021 (SELASA)  
Waktu: 10.00 PAGI  
TEMPAT: DEWA MEMPAGA, KTI, FELDA MEMPAGA 01



## MENCARI KEBERKATAN @ FELDA - SEDEKAH300

"FELDA adalah satu-satunya organisasi yang meletakkan KEBERKATAN dalam pengurusan. Dengan hasrat untuk menubuhkan satu organisasi wakaf terbesar, Tabung Wakaf FELDA telah ditubuhkan dan telah pun mendapat kelulusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)."

**YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH**  
PENGURUSI FELDA



### SINERGI FELDA@FGV

Sinergi yang diaspirasikan ini dapat diperkisasikan melalui pengurusan ladang LLA FGV berserta kilang sawit dapat diintegrasikan dengan ladang FELDA supaya lebih cekap dan berkesan untuk manfaat bersama.

| BRIDGED OPERASI LADANG | APA ITU ANUGERAH KECEMERLANGAN RANCANGAN FELDA (AKRF)? | LEMBAH HERBA FELDA (LHF) |

## ISI KANDUNGAN

### 03 BICARA KATA

Mencari keberkatan @ FELDA

### 04 PERLADANGAN

Bridged Operasi Ladang

### 05 KOMUNITI

Anugerah Kecemerlangan Rancangan FELDA (AKRF)

### 06 KEBERKATAN

### LAPORAN #SEDEKAH300

(Kemaskini Sehingga 24 Mac 2021)

### 08 KOMUNITI

Latihan Kemahiran Operator Dron Pertanian  
Majlis Belia FELDA Malaysia

### 09 PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

Lembah Herba FELDA (LHF) - Apa Seterusnya?

### 10 PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

Lawatan YB Pengurus FELDA Ke Projek Program Pembangunan Peneroka (PPP) Plasma Halia Muda, Wilayah Raja Alias.

### 11 TOKOH

DATO' HAJI ABDUL ZAKI BIN MD ZIN

Timbalan Mufti Negeri Pahang (FELDA Mempaga 1)

LT JEN DATO' HASAGAYA ABDULLAH

Timbalan Panglima Tentera Darat (FELDA Medoi)

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG :

YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh

### KETUA EDITOR :

Shanizar binti Ahmad Shahar

### EDITOR :

Muhamad Fakhrul Anwar  
Bin Omar

### ANGGOTA REDAKSI :

Nurulnaida Binti Mohd Noh  
Naziffuddin Bin Tajuldin  
Mohd Nasri Puteh  
Nur Hazimah Binti Rahman  
Mohamad Isa Bin Hasan  
Marziah Binti Napiah  
Hisyam Bin Ahmad@Ahmaddiah

### PENASIHAT :

Dato' Amiruddin Bin Abdul Satar

### PENOLONG

### KETUA EDITOR :

Norhasimah Binti Mohd Nor

### PENOLONG EDITOR 1 :

Nur Farahana Binti Shaari

# SINERGI FELDA & FGV JAMIN PULANGAN MAKSIMUM

Pengambilalihan saham FGV Holdings Berhad (FGV) merupakan salah satu inisiatif yang dicadangkan oleh Pasukan Petugas Khas FELDA yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar. Cadangan ini telah diluluskan oleh Kabinet pada 14 Oktober 2020 yang lalu.

Tawaran pengambilalihan telah mula dibuat pada 12 Januari 2021 kepada semua pemegang saham FGV. Tujuan utama tawaran ini adalah bagi mendapatkan kawalan berkanun ke atas FGV dalam usaha untuk melaksanakan transformasi dan penyusunan semula FELDA dan syarikat-syarikat berkaitan bagi memperkuatkukuhkan rantaian perniagaan kumpulan. Sehingga tawaran ditutup pada 15 Mac 2021, FELDA telah berjaya memperolehi 81.01% saham FGV.

Sinergi yang diaspirasikan ini dapat diperkasakan melalui pengurusan ladang LLA FGV berserta kilang sawit dapat diintegrasikan dengan ladang FELDA supaya lebih cekap dan berkesan untuk manfaat bersama. Tambahan pula, kerjasama antara FELDA & FGV yang telah terjalin sebelum ini untuk beberapa perkhidmatan bersama seperti perkhidmatan teknikal, pembekalan anak benih untuk tanam semula, pembekalan baja dan perkhidmatan keselamatan akan turut diperkuatkukuhkan lagi selepas ini.

Langkah pengambilalihan ini juga dilihat dapat membentuk satu jalinan yang baik untuk memastikan operasi perniagaan yang mampar dapat dicapai melalui pengurusan perladangan yang cekap dan kompetitif daripada sudut kos serta pengeluaran hasil ladang (sawit dan getah) yang tinggi. Penambahbaikan industri hiliran juga akan membantu mengorak langkah ke arah keberangsangan pendapatan berdasarkan penghasilan produk premium yang turut menyumbang kepada hasil bernilai tinggi kepada negara. Kejayaan jalinan kerjasama di antara FELDA dan FGV akan memberikan impak positif kepada FELDA dan seterusnya dapat menjamin kesejahteraan warga peneroka.



### REKABENTUK DAN CETAKAN :

Gigawise Network Sdn Bhd  
No. 74, Jalan Kapar 27/89,  
Hicom Heavy Industrial Park,  
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004  
Giga Wise Network Sdn Bhd www.gigaprint2u.com

# MENCARI KEBERKATAN DI FELDA

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana masih lagi diberi kesempatan menerajui organisasi FELDA yang kita cintai dan bersama-sama melangkah ke gerbang tahun 2021 bersama seluruh warganya.

Hampir setahun saya di sini, banyak yang telah kita kecap berkat usaha dan kecekalan bersama. Pelbagai langkah proaktif dan inovatif telah diperkenalkan untuk organisasi ini terus memelihara kesejahteraan hidup warganya walaupun ianya masih dalam landasan pemulihan.

Pelaksanaan *Well Formed Outcome* (WFO) sentiasa dipantau dan diberi tumpuan yang inklusif bagi memastikan FELDA terus cemerlang dan gemilang.

Tahun 2020 mencatat beberapa peristiwa penting:-

- FELDA berjaya mendapat kelulusan **Sukuk RM9.9 Billion** berjaminan kerajaan bagi membantu FELDA mengambil alih tanah LLA dan juga menstrukturkan semula hutangnya.
- FELDA juga telah berjaya menyelesaikan **Penyata Hutang Peneroka** setelah bertahun-tahun tidak dikeluarkan. Kini, penyata hutang peneroka sedang dalam proses simulasi sebelum diedarkan. Yang pastinya tiada lagi elemen hutang yang diragui dalam rekod kewangan FELDA.
- Pendekatan baharu melalui **Kursus Neuro Linguistic Programming (NLP)** telah dilaksanakan kepada 1,420 orang kepimpinan peneroka dan petugas FELDA sepanjang tahun 2020. Kursus NLP ini akan terus dilaksanakan kepada semua petugas FELDA dan peneroka sepanjang tahun 2021.
- FELDA telah berjaya meningkatkan pegangan dalam FGV kepada 81%, iaitu peningkatan sebanyak 47% daripada 34% pegangan pada bulan Disember 2020.

FELDA adalah satu-satunya organisasi yang meletakkan **KEBERKATAN** dalam pengurusan. Dengan hasrat untuk menujuhkan satu organisasi wakaf terbesar, Tabung Wakaf FELDA telah ditubuhkan dan telah pun mendapat kelulusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Insya-Allah, selepas Tabung Wakaf FELDA mendapat taraf Mutawalli daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), satu majlis pelancaran akan diadakan pada masa terdekat ini. Program #Sedekah300 juga giat dilaksanakan dengan sasaran sumbangan oleh peneroka sehingga RM33 juta pada bulan Ramadhan ini. Sehingga 31 Mac 2021, sebanyak RM7.69 juta telah disumbangkan oleh warga peneroka.

Banyak lagi kejayaan dalam memperkasa kehidupan warga peneroka seperti pelaksanaan Program Pembangunan Peneroka (PPP), Kelas Bestari di 101 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam rancangan FELDA dan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) iaitu 2,358 unit yang telah siap dibina manakala 2,436 unit masih dalam pembinaan. Analogi mudah, tahun 2020 adalah tahun untuk menanam, tahun 2021 pula untuk penjagaan dan insya Allah tahun 2022 adalah masa untuk menuai hasilnya. FELDA akan pulih sepenuhnya dan bakal mampu menjana pendapatan sebelum cukai lebih RM1 Billion.

**YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
PENGERUSI FELDA**

**“  
Insyah-Allah,  
FELDA dalam  
landasan tepat  
untuk menjadi  
Fortune 500  
Corporation  
menjelang 2040.**



# BRIDGED OPERASI LADANG



## SERTAI KAMI!

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Dr Khairudin Aman Razali semasa merasmikan Program Kerja Agrikomoditi 2021 secara maya pada 9 Mac 2021 lalu, telah menyatakan sektor komoditi dan produk berdasarkan komoditi menyumbang RM85.1 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2020. Beliau berkata lagi, daripada jumlah itu sebanyak RM48.3 bilion disumbangkan oleh industri sawit.

Bagi memastikan prestasi sektor komoditi negara terus kekal mampan, modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran amat diperlukan. Industri sawit ketika ini mengalami kekurangan pekerja yang semakin ketara apabila tiada lagi kemasukan pekerja asing dibenarkan semenjak Mac 2020 dan menyebabkan kebanyakan syarikat yang terlibat dalam industri sawit mula mengalami cabaran kekurangan pekerja.

FELDA juga berhadapan cabaran yang sama apabila kebun-kebun peneroka serta lot-lot FELDA yang diuruskan secara langsung oleh FELDA mahupun melalui FELDA Plantation Management (PFM) kini menghadapi isu kekurangan tenaga kerja. Pada tahun 2018, bilangan pekerja asing di FELDA berjumlah 11,200 orang namun, jumlah tersebut telah berkurang kepada 5,700 orang sahaja kini. Sehingga Februari 2021, jumlah pekerja tempatan di operasi kebun peneroka hanyalah 1,940 sahaja. Di samping itu, operasi kebun peneroka turut disokong oleh pekerja-pekerja dibawah kontraktor yang dilantik oleh FELDA dan FPM namun, ianya masih tidak mencukupi. Kekurangan pekerja ketika ini telahpun mencecah 4,500 orang dan angka ini akan terus bertambah apabila pekerja asing yang telah tamat kontrak mulai memohon untuk kembali ke negara asal yang secara puratanya berjumlah 200 orang pada setiap bulan.

## Apakah Brigaded Operasi Ladang (BOL)?

Memandangkan kepentingan penglibatan warga tempatan terutamanya warga FELDA kembali menyertai sektor ini, satu kerjasama strategik antara FELDA, Kementerian Sumber Manusia (KSM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Yayasan FELDA telah diadakan dan melalui beberapa siri perbincangan, maka Brigaded Operasi Ladang (BOL) telah dilahirkan dan akan dilancarkan di setiap Wilayah FELDA.

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing ketika ini, suatu tindakan untuk menarik minat pekerja tempatan menyertai industri sawit telah dilaksanakan. BOL ditubuhkan untuk menyasarkan tenaga kerja dalam kalangan rakyat tempatan terutamanya warga FELDA yang masih ramai berada di tanah-tanah Rancangan FELDA. FELDA juga menyasarkan, warga FELDA yang mungkin terkesan secara langsung dan mungkin terpaksa kembali ke tanah rancangan ketika ini akibat pandemik Covid-19 untuk menyertai BOL.

Ayahsertai kami di operasi perladangan sawit:

Bagi yang berjaya menyertai BOL ini, antara tugas utama yang akan diberikan ialah seperti :-

1. Penuaian sawit
2. Pembasmian rumput
3. Pengawalan musuh dan penyakit tanaman
4. Pembajaan
5. Mencatas pelepas

Pelbagai insentif dan kemudahan telah disediakan oleh pihak majikan bagi sesiapa yang berminat untuk menyertai BOL ini dan antaranya adalah seperti berikut:-

1. Pendapatan kasar melebihi RM1,500 sebulan bergantung kepada produktiviti kerja (termasuk elauan\* yang disediakan).
2. Caruman KWSP dan SOCSO Majikan.
3. Cuti tahunan.
4. Kemudahan rawatan perubatan.
5. Pendahuluan pembelian motorsikal.
6. Elauan persediaan kerja (sekali sahaja).
7. Peluang kenaikan pangkat pada masa hadapan.
8. Antara elauan\* yang disediakan (tertakluk kepada syarat-syarat tertentu):
  - i.Insentif kehadiran – RM100.00
  - ii.Insentif produktiviti – RM100.00
  - iii.Elauan motorsikal – RM100.00
  - iv.Elauan rumah – RM100.00



# APAKAH ANUGERAH KECEMERLANGAN RANCANGAN FELDA (AKRF) ?

- Penjenamaan semula Anugerah Keceriaan Kampung Felda (AKKF).
- Objektif:-

- i. Mencetus dan menggalakkan gerakan menceriakan kawasan kampung;
- ii. Meningkatkan kebersihan dan keceriaan kawasan kampung serta menjadi komuniti contoh luar bandar;
- iii. Membentuk komuniti yang ceria, bersatu padu, memupuk semangat kejiranian, harmoni serta mengamalkan budaya bersih, indah dan bebas daripada gejala sosial;
- iv. Menukar wajah perkampungan FELDA menjadi komuniti taman dan dilengkapi dengan infrastruktur yang baik dan terurus;
- v. Menjadikan aktiviti perladangan sebagai sumber penjanaan pendapatan yang tinggi dan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP);

## KRITERIA PEMARKAHAN

### SUMBER EKONOMI (40%)

Pengurusan Ladang	15%
Projek Ekonomi	15%
Pelancongan	5%
Edible Garden / IATP	5%



### KESELESAAN / KECERIAAN RANCANGAN (25%)

Kawasan Perumahan	10%
Peneroka Dan Petugas	
Jalan Utama	10%
Susun Atur Dan keceriaan	5%
Kawasan Perniagaan	



### PENCAPAIAN BADAN / NGO (20%)

Kualiti Komuniti	10%
Aktiviti Badan peneroka & Generasi Baharu	10%



### PENDIDIKAN (10%)

Kecemerlangan pendidikan	5%
Teknologi Maklumat & Digital	5%

### INFRASTRUKTUR (5%)

Bangunan Awam Dan Pejabat Rancangan	5%
-------------------------------------	----

- Dikuatkuasakan pada tahun 2021
- Peruntukan keceriaan setiap bulan = RM5 oleh FELDA dan RM5 oleh peneroka.

## PELAKSANAAN

BULAN	AKTIVITI
Dis - Jan	Persiapan AKRF Peringkat Rancangan
Feb - Mac	Pemeriksaan dan Penilaian AKRF Peringkat Wilayah
April	Pemeriksaan dan Penilaian AKRF Peringkat Separuh Akhir
Jun	Pemeriksaan dan Penilaian AKRF Peringkat Akhir
Julai	Pengumuman

\*Jadual tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa

## PANEL PENILAIAN

- i. Peringkat Separuh Akhir – Pengarah Jabatan FELDA dan wakil peneroka.
- ii. Peringkat Akhir – Pengarah Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berpengalaman dalam bidang masing-masing yang dilantik oleh Pengurus FELDA.

# #SEDEKAH

(Kemaskini Sehingga)

JUMLAH KESELURUHAN

**RM 7,312,664.28**

<i>Johor</i> RM 2,869,113.10	<i>Pahang</i> RM 2,006,865.60	<i>Terengganu</i> RM 788,699.96
---------------------------------	----------------------------------	------------------------------------

<i>Negeri Sembilan</i> RM 481,301.67	<i>Kedah</i> RM 274,895.55	<i>Kelantan</i> RM 271,999.00
---	-------------------------------	----------------------------------

<i>Perak</i> RM 239,217.40	<i>Sabah</i> RM 221,603.00	<i>Perlis</i> RM 99,100.00
-------------------------------	-------------------------------	-------------------------------

<i>Selangor</i> RM 32,982.00	<i>Melaka</i> RM 26,887.00
---------------------------------	-------------------------------

*Johor Bahru*  
(Kledang)  
RM 84,096.00

*Johor Bahru*  
(Air Tawar)

*Johor Bahru*  
(Air Tawar)

*Johor Bahru*  
(Lok Heng Barat)

*Johor Bahru*  
(Lok Heng Barat)

49.21%

KUTIPAN  
MENGIKUT  
WILAYAH

TOP 20  
(KUTIPAN)

JUMLAH KESELURUHAN

**RM 7,345,189.28**

<i>Johor Bahru</i> RM 2,117,057.00	<i>Jengka</i> RM 875,900.00	<i>Segamat</i> RM 789,453.10
40.20%	19.52%	23.05%
<i>Terengganu</i> RM 788,699.96	<i>Kuantan</i> RM 760,903.00	<i>Raja Alias</i> RM 494,243.67
35.25%	16.85%	10.03%
<i>Alor Setar</i> RM 373,995.55	<i>Mempaga</i> RM 372,823.60	<i>Gua Musang</i> RM 278,311.00
30.84%	9.47%	29.79%
<i>Trolak</i> RM 272,199.40		<i>Sahabat</i> RM 221,603.00
11.56%		44.85%

KUTIPAN  
MENGIKUT  
NEGERI

JUMLAH KESELURUHAN

<i>Alor Setar</i> (Teloi Timur) RM 138,885.00	<i>Raja Alias</i> (Sungai Kelamah) RM 120,900.00	<i>Johor</i> (Bukit Aman) RM 106,670.00
75.89%	100%	64.67%
<i>Terengganu</i> (Neram 1) RM 105,201.00	<i>Terengganu</i> (Kerteh 2) RM 102,719.00	<i>Johor Bahru</i> (Lok Heng Selatan) RM 86,670.00
54.03%	106.67%	77.87%
<i>Johor Bahru</i> (Sening) RM 88,666.00	<i>Johor Bahru</i> (Menggatal) RM 84,956.60	<i>Teresia</i> (Menggatal) RM 84,956.60
58.53%	56.64%	82.67%
<i>Segamat</i> (Pemanis 1) RM 84,956.60		

# H300

( sehingga 24 Mac 2021)

## JUMLAH KESELURUHAN

<b>Alor Setar</b> (Chuping) <b>RM 82,000.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Sungai Mas) <b>RM 78,750.00</b>
61.15%	37.66%
<b>Jengka</b> (Jengka 11) <b>RM 75,160.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Tunggal) <b>RM 73,050.00</b>
47.36%	45.94%
<b>Johor Bahru</b> (Simpang Wa Ha) <b>RM 70,335.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Bukit Ramun) <b>RM 70,275.00</b>
40.99%	72.52%
<b>Gua Musang</b> (Perasu) <b>RM 70,200.00</b>	
96.90%	

## JUMLAH KESELURUHAN

<b>Kuantan</b> (Felda Selendang 2) <b>RM 32,250.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Lok heng Selatan) <b>RM 86,670.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Tenggaroh 6) <b>RM 78,750.00</b>
81.44%	77.87%	76.94%
<b>Alor Setar</b> (Teloi Timur) <b>RM 138,885.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Kledang) <b>RM 84,090.00</b>	<b>Gua Musang</b> (Chiku 6) <b>RM 31,450.00</b>
75.89%	73.76%	72.80%
<b>Johor Bahru</b> (Bukit Ramun) <b>RM 70,275.00</b>	<b>Kuantan</b> (Bukit Ramun) <b>RM 44,500.00</b>	<b>Johor Bahru</b> (Bukit Aping Timur) <b>RM 105,635.00</b>
72.52%	67.42%	64.61%
	<b>Kuantan</b> (Felda Chini Timur 3) <b>RM 32,880.00</b>	
	63.72%	

TOP 20  
(PERATUS%)

TOP 20  
(KUTIPAN)

TOP 20  
(PERATUS%)

## JUMLAH KESELURUHAN

<b>Terengganu</b> (Selasih) <b>RM 51,006.56</b>	<b>Raja Alias</b> (Sungai Kelamah) <b>RM 120,900.00</b>
107.61%	100%
<b>Johor Bahru</b> (Tenggaroh 3) <b>RM 50,985.00</b>	<b>Terengganu</b> (Mengkawang) <b>RM 86,176.21</b>
88.98%	87.31%

<b>Terengganu</b> (Kerteh 2) <b>RM 102,719.00</b>	<b>Sahabat</b> (Sahabat 2) <b>RM 53,400.00</b>
106.67%	100%
<b>Johor Bahru</b> (Tenggaroh 7) <b>RM 23,150.00</b>	<b>Terengganu</b> (Belara) <b>RM 53,854.69</b>
85.74%	86.31%

# LATIHAN KEMAHIRAN OPERATOR DRON

## PERTANIAN MAJLIS BELIA FELDA MALAYSIA

Lokasi : Pusat Latihan Kerteh 2 Hingga 16 Mac 2021

Latihan Kemahiran Operator Dron Pertanian Majlis Belia FELDA Malaysia merupakan program kendalian Majlis Belia FELDA Malaysia dengan Kerjasama FELDA dan Aerodyne Group. Program Latihan ini merupakan salah satu inisiatif bersama bagi menimba ilmu kemahiran serta penggunaan mekanisasi pertanian moden. Ia sejajar dengan pelan Model Baharu FELDA yang telah diilhamkan oleh Pengurus FELDA, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh untuk meningkatkan hasil ladang serta memajukan teknologi perladangan supaya mencapai matlamat ke arah "FELDA Fortune 500".

Latihan yang melibatkan 20 orang belia FELDA yang terpilih telah dijalankan selama dua minggu bermula pada 2 Mac hingga 16 Mac 2021 bertempat di Pusat Latihan Kerteh, Terengganu. Latihan Kemahiran Operator Dron ini terbahagi kepada dua latihan iaitu teori dan praktikal.

Sepanjang tempoh latihan diadakan, peserta telah melakukan ujian Latihan penerbangan dron dan telah diperakurkan sijil kelulusan Level 1 UAV Pilot Course & Agriculture UAV System. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Pengurus FELDA.

Latihan Kemahiran ini adalah program perintis ke arah Revolusi Industri (IR 4.0) dan FELDA merangkakan perancangan kondusif jangka panjang ke arah pertanian pintar. Penggunaan teknologi dron akan dapat meningkatkan hasil tanaman dengan pemetaan ladang yang tepat dan pantas serta dapat menganalisis kualiti dan kesihatan tanaman. Penyemburana baja dan racun boleh dilaksanakan secara bersasar, iaitu dapat mengurangkan pendedahan tenaga kerja ladang pada masa hadapan dan alam sekitar daripada racun.

Langkah FELDA ke arah model pertanian pintar dijangkakan dapat menarik perhatian lebih ramai usahawan tani untuk mengorak langkah dan pada masa yang sama, menjana minat anak muda Malaysia untuk melibatkan diri di dalam sektor pertanian. Selain itu, pelaksanaan program ini secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Model pertanian pintar ini bakal mengubah lanskap sektor perladangan negara yang lebih berdaya maju.



# LEMBAH HERBA FELDA (LHF) – APA SETERUSNYA?



Lembah Herba FELDA (LHF) melalui inisiatif Program Pembangunan Peneroka (PPP) telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 7 Julai 2020 sempena sambutan Hari Peneroka FELDA 2020 Peringkat Kebangsaan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Felda, Kampus Tun Abdul Razak di Trolak, Sungkai.

Pelancaran tersebut membabitkan lima tanah rancangan di zon Trolak iaitu Trolak Utara, Trolak Selatan, Trolak Timur, Sungai Klah dan Sungai Behrang dengan menumpukan kepada tiga herba utama iaitu misai kucing (*Orthosiphon stamineus*), belalai gajah (*Clinacanthus nutans*) dan kacang sacha inchi (*Plukenetia volubilis*).

Sehingga kini, sebanyak 250 buah keluarga telah dipilih untuk menyertai program tanaman herba secara plasma di sekitar rumah dengan penggunaan sistem 'SMART Fertigation Box'. Paket ini membolehkan peneroka menerima sistem fertigasi bertingkat bersama 100 polibeg pokok herba sama ada misai kucing atau belalai gajah.

Bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan LHF, FELDA melalui E-Office Agroplantation Sdn Bhd telah menjalankan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Kerjasama bersama FRIM merangkumi empat skop utama iaitu:

**Skop 1:** Latihan pembiakan, penanaman dan penjagaan pokok herba.

**Skop 2:** Pasca tuai.

**Skop 3:** Pemprosesan bagi pengeluaran produk semi/akhir, yang mempunyai pensijilan HALAL, GMP dan ISO.

**Skop 4:** Nasihat perdagangan.

Segala latihan berkenaan tanaman herba kepada semua peserta akan disampaikan oleh tenaga pakar yang diketuai oleh Pegawai Penyelidik, Dr. Farah Fazwa Md. Ariff.

Terdahulu, semua peserta telah menjalani Kursus Pengendalian 'SMART Fertigation Box' termasuk proses pembancuhan baja fertigasi, pembacaan meter EC bagi memastikan ketepatan bantuan baja dan kawalan serangga secara organik.

Bagi memastikan produk herba yang bakal dikeluarkan memenuhi kehendak industri, FELDA telah mengadakan perbincangan awal dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak untuk mendapatkan Pensijilan MyGAP. Pensijilan ini sangat penting untuk:

- Menghasilkan produk pertanian yang berkualiti dan selamat dimakan.
- Mengurangkan pencemaran alam sekitar dan membantu membangunkan industri pertanian negara yang mesra alam dan bestari.
- Memudahkan laluan pasaran eksport.
- Menjamin keselamatan serta kebajikan pekerja.
- Menggalakkan penerimaan pengguna terhadap produk tanaman, ternakan dan akuakultur di bawah satu pensijilan.

FELDA komited untuk terus menerokai ruang kerjasama dalam industri herba dengan bantuan agensi kerajaan dan pemain industri lain bagi memastikan peneroka dan generasinya dapat menjadi perintis dalam bidang herba. Ini sekaligus dapat melahirkan lebih ramai usahawantani terlatih dalam kalangan warga FELDA untuk industri herba.



## LAWATAN YB PENGERUSI FELDA KE PROJEK PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA (PPP) PLASMA HALIA MUDA, WILAYAH RAJA ALIAS



Pada 16 Februari 2021, satu lawatan kerja oleh Pengerusi FELDA, YB Dato' Seri Idris Jusoh, ke FELDA Wilayah Raja Alias dengan diiringi oleh Timbalan Pengarah Besar (Operasi); YB Dato' Amir Hamdan, Pengarah Jabatan Pembangunan Pertanian dan Ternakan; Encik Hasrin Ismail, dan Encik Saifullah Mat Nor; Pengurus Besar FELDA Wilayah Raja Alias.

Lawatan dimulakan dengan perasmian tapak Projek Halia Muda Program Pembangunan Peneroka (PPP) di Rancangan FELDA Raja Alias 1. Projek ini merupakan satu daripada sembilan projek yang telah menerima kelulusan dana dengan nilai keseluruhan sebanyak RM438 ribu. Senarai rancangan yang telah menerima kelulusan dana PPP bagi memulakan Projek Halia Muda adalah seperti berikut:

- i. Raja Alias 4;
- ii. Lui Selatan;
- iii. Palong 9;
- iv. Pasir Besar;
- v. Jelai 1;
- vi. Jelai 2;
- vii. Jelai 4; dan,
- viii. Sungai Lui.

Bagi projek ini, geran yang diluluskan adalah RM20 ribu, melibatkan 10 orang peserta dengan keluasan tanah seluas  $\frac{1}{4}$  ekar. Sebanyak 1,800 polibeg akan dibekalkan dan jangkaan hasil per pusingan adalah sebanyak 3,600kg dengan harga minimum sebanyak RM6.50/kg.



YB Pengerusi kemudiannya meneruskan lawatan ke rumah Encik Amran Mahat, pengasas Projek Halia Muda yang telah empat tahun berkecimpung di dalam bidang ini. Kejayaan beliau dalam pelaksanaan projek tersebut yang menjadi inspirasi kepada rakan-rakan peneroka dalam rancangan beliau. Encik Amran turut bersetuju untuk berkongsi khidmat kepakaran beliau bersama peneroka di FELDA Wilayah Raja Alias dalam usaha menambah pendapatan menerusi projek penanaman halia muda ini.

Sistem fertigasi yang digunakan dalam pelaksanaan projek ini bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk meluaskan lagi penggunaan sistem pertanian pintar. Bagi memastikan kejayaan projek, FELDA telah menjalankan usaha sama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPK Kuala Langat). Pihak PPK telah bersetuju untuk menjamin pembelian semula semua hasil pertanian projek halia muda di FELDA Raja Alias selain akan berkongsi kepakaran mereka dalam bidang pertanian pintar bersama warga FELDA.

# INSPIRASI



**Nama** : DATO' HAJI ABDUL ZAKI BIN HAJI MD. ZAIN, DIMP, AMP.

**Tempat Lahir** : No. 47, Blok 3, FELDA Mempaga 1, 28600 Karak, Pahang

**Tarikh Lahir** : 18 April 1973

**Pekerjaan :**

- i. Guru di Sek Men Agama rakyat Lurah Bilut dari Mac 2001 - September 2001.
- ii. Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid 2001 - 2006.
- iii. Penolong Pengarah, Bahagian Undang-Undang Syariah di Jabatan Agama Pahang 2006 - 2008.
- iv. Al Fadhil Qadhi Daerah Chenor Mac 2008 - Ogos 2012.
- v. Al Fadhil Qadhi Daerah Chenor Ogos 2012 - Jun 2019.
- vi. Sohibul Fadhilah Timbalan Mufti Julai 2019 - hingga Sekarang.

**Anugerah Peringkat Negeri Sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang :**

- i. Ahli Mahkota Pahang (AMP) Tahun 2009
- ii. Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) Tahun 2020

**Anugerah Peringkat Jabatan :**

- i. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2004, 2009 dan 2015

**Nama** : LEFTENAN JENERAL DATO' HASAGAYA BIN ABDULLAH  
PSAT, DSAP, DMSM, PAT, JSM, KAT, KMN, PJM, PNBB  
(Cambodia) PPS MDef Studies (Canberra) MSoc Sc. in Def.  
Studies (UKM)  
MSc National Security and War Studies (NDU Islamabad) Nswc.  
Mpat. Psc

**Tempat Lahir** : 77, FELDA Medoi, Segamat, Johor (Wilayah Segamat)

**Tarikh Lahir** : 1 November 1963

**Pengalaman :**

- i. Program Pertukaran Pegawai Tentera Darat sebagai Jurulatih Di Sekolah Infantri, Waiouru, New Zealand (1995-1996).
- ii. Pemerhati Tentera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Kemboja (PBB-UNTAC) (1993).
- iii. Komander Operasi Tentera (NBOS) PDRM/ATM ASEAN SUMMIT 2015.
- iv. Pengarah Latihan bagi Exercise Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) antara ATM dan US Marines pada tahun 2008 dan sekali lagi bagi Exercise Land MALPHI antara Tentera Darat Malaysia dan Tentera Darat Filipina pada tahun 2012 dan Exercise Keris Strike.

**Pendidikan :**

- i. Master of Defense Studies dari University of Canberra, Australia.  
Master of Social Sciences in Defence Studies dari UKM.
- ii. Master of Science in National Security and War Studies dari National Defence iii. University, Islamabad, Pakistan.

**Kursus Luar Negara :**

- i. Australian Army Command And Staff College Course di Fort Queenscliff, Australia (1999).
- ii. Advanced Security Cooperation Course di Asia Pacific Centre for Security Studies, Hawaii, Amerika Syarikat (2009)
- iii. National Security and War Course di National Defence University, Islamabad, Pakistan (2012)
- iv. High Defence Studies Course for Senior Officers Asia Pacific, di Madrid, Sepanyol (2015)



# Kejayaan 2020



Pengambilahan FGV  
#tanahLLAmilikFELDA

Senarai hutang peneroka

Smart classroom

#sedekah300 Budaya memberi

Perwarisan

Digitalisasi

Transformasi sistem kewangan

Kerjasama strategik

PTB MTDC MDEC MaGIC

Penolong Ketua Blok

Penglibatan generasi baharu

Wakaf FELDA

FTP Hubungan bertambah baik

Program Pembangunan Peneroka  
(PPP) Tambah pendapatan peneroka

NLP: perubahan minda



## SIFIR MUDAH



**Program 2523**



PIAN

\*Hasil 25 tan/ha dengan 23% OER pada tahun 2023

**Billion22**

BALIK

\*FELDA catat pendapatan sebelum cukai lebih RM1 Billion

**Sedekah300**



SEKOLAH

\*Bentuk budaya memberi melalui sedekah RM300 dan wakaf

**Mekanisasi**



MAK

\*Mekanisasi : kurangkan 50% tenaga kerja, kurangkan 20% kos serta tingkatkan 30% produktiviti

**Lowest (best) plantation operator**



BAGI

\*FTP sebagai operator ladang terbaik dengan kos ladang paling rendah

**RM3,000/ha/year**



RM3,000

\*Keuntungan bersih ladang sekurang-kurangnya RM3,000 satu hektar setahun



LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

Menara FELDA, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. T : 03 - 2191 2191 F : 03 - 2191 2590